

## LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini serta terma and syaratnya sebelum anda membuat keputusan untuk memohon **Pembiayaan Tunai-i**. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda memerlukan penerangan lanjut berkenaan butiran di dalam dokumen ini atau terma umum.



### 1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah pembiayaan peribadi Islam tanpa cagaran yang ditawarkan kepada individu. Kadar keuntungan dikira berdasarkan kadar tetap.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan adalah Murabahah Komoditi melalui penyusunan Tawarruq, di mana pelanggan membeli komoditi daripada Yayasan Ihsan Rakyat ("YIR") secara bayaran tertanggung (ansuran) dan YIR dilantik untuk menjual komoditi tersebut bagi pihak pelanggan kepada pihak ketiga atas dasar bayaran serta merta. Aset di dalam kontrak jualan dan belian merupakan komoditi yang mematuhi terma-terma Syariah. Hasil jualan komoditi akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan semasa process pembayaran.

### 3. Apakah yang dapat saya perolehi dari produk ini?

- Jumlah Pembiayaan : RM 18,000\*
- Tempoh Pembiayaan : 120\* bulan
- Kadar Keuntungan : 8.99\* %
- Harga Jualan : RM 34,182\*

#### Nota:

- Jumlah Pembiayaan Minimum : RM3,000 (Sem. Malaysia)  
RM2,500 (Sabah, Sarawak)
- Jumlah Pembiayaan Maksimum : RM150,000
- Tempoh Pembiayaan Minimum : 1 tahun (12 bulan)
- Tempoh Pembiayaan Maksimum: 10 tahun (120 bulan)

\*Sila ambil perhatian bahawa jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah tertakluk kepada penilaian kredit YIR.

### 4. Apakah obligasi saya?

Anda harus memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada setiap bulan (pada hari pertama setiap bulan).

- Ansuran Bulanan : RM 284.85\*
- Pendahuluan Ansuran Bulanan : 1\* bulan
- Harga Jualan yang perlu dibayar : RM 34,182\*

### 5. Apakah cara pembayaran balik ansuran bulanan saya?

Pembayaran balik ansuran bulanan adalah melalui potongan gaji bulanan.

### 6. Apakah implikasi sekiranya saya gagal menunaikan obligasi-obligasi saya?

Sekiranya anda gagal membuat bayaran ansuran pada tarikh yang ditetapkan, caj bayaran lewat berikut akan dikenakan:

- a. Semasa Tempoh Pembiayaan  
Caj bayaran lewat sebanyak 1.5% sebulan akan dikenakan ke atas bayaran ansuran tertunggak.
- b. Selepas Tempoh Matang Pembiayaan  
Caj bayaran lewat sebanyak 1.5% sebulan akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak Harga Belian Komoditi sehingga pembayaran penuh Harga Jualan.

### c. Kemungkiran

Sekiranya berlaku kemungkiran (tiada bayaran) lebih daripada satu (1) bulan ansuran, tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan.

### d. YIR berhak untuk mengambil tindakan undang-undang dan semua kos akan ditanggung oleh pelanggan. Tindakan undang-undang terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit anda dan menyebabkan kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda perolehi.

### 7. Bagaimanakah sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuh ke atas pembiayaan sebelum tempoh matang?

Penyelesaian awal sepenuhnya boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum tempoh matang. YIR akan mempertimbangkan pemberian rebat (Ibra') setelah mengambil kira caj atau yuran prabayar berhubung dengan peruntukan dan penyediaan kemudahan ini (jika berkenaan) atau kos lain yang ditanggung oleh YIR akibat penyelesaian awal pembiayaan.

### 8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tiada penjamin atau cagaran diperlukan.

### 9. Adakah liputan perlindungan Takaful?

Tiada liputan perlindungan Takaful.

### 10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan ke atas maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi kami di:

Tel : 03 – 4047 0888

Emel : pertanyaan@yir.com.my

### 11. Dari manakah saya boleh mendapat bantuan dan pembelaan?

a. Sekiranya anda menghadapi kesulitan dalam memenuhi obligasi pembayaran anda, sila hubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran alternatif di:

Tel : 03 – 4047 0888

Emel : pertanyaan@yir.com.my

b. Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, sila hubungi kami di:

Tel : 03 – 4047 0888

Emel : pertanyaan@yir.com.my

### 12. Dari manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda perlukan penerangan lanjut tentang produk-produk kami, sila hubungi kami di:

Tel : 03 – 4047 0888

Emel : pertanyaan@yir.com.my

Laman web : www.yir.com.my

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN PEMBIAYAAN TUNAI-i ANDA.**

\*Untuk ilustrasi sahaja.